

Melahir kaunselor anti dadah

SERAMAI 69 peserta dianugerahkan Sijil Khas Kursus Asas Pembantu Antidadah anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Kursus selama 10 hari bermula 19 hingga 30 April lalu adalah kali yang ketujuh dikendalikan oleh USIM.

Sebanyak dua anugerah diberi kepada para peserta yang cemerlang. Anugerah Kepimpinan Pelajar diberikan kepada Jefri Din Nordin dan Norazah Parman.

Anugerah Kawad Lelaki dan Perempuan dimenangi oleh Mohd. Redzuan bin Mohd. Rosli dan Siti Fatimah Abdullah.

Menurut Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda, perkongsian pintar dengan AADK itu akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk kebaikan bersama.

Katanya, konsep itu akan diperluaskan bukan sahaja dalam bidang latihan pra penempatan malah dalam latihan-latihan kecekapan yang lain berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

“Masih terlalu banyak ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan seperti latihan khusus dalam bidang pencegahan, rawatan dan pemulihan, kecekapan kaunseling penagihan, rdekatan agama dalam pemulihan dan rakan sebergantungan,” tambah beliau.

Kerjasama USIM dengan AADK



PARA Peserta Kursus Asas Pembantu Antidadah menyanyikan lagu *Negaraku* pada pembukaan kursus.

terjalin sejak tahun 2005 semasa pembinaan kurikulum Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA) yang ditawarkan oleh USIM.

Program ini bermatlamat melahirkan kumpulan pakar di kalangan kaunselor dalam bidang pengurusan, pendidikan, pencegahan, pemulihan dan rawatan

dalam alkohol dan dadah di negara ini. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah AADK Kebangsaan, Thanasegaran a/l Sinathamby.